

# Pegawai kumpulan A perlu kelulusan

BH 19 NOV 2000


**KUALA LUMPUR:** Pegawai Kumpulan A perlu mendapat kelulusan kerajaan berdasarkan Perintah Am untuk memegang jawatan dalam Umno walaupun pindaan perlembagaan Umno semalam membenarkan mereka berbuat demikian.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun parti membuka pintunya kepada pegawai Kumpulan A, soal sama ada kerajaan membenarkannya atau tidak, terpulang kepada kerajaan.

"Kita buka kepada Kumpulan A. Itu pindaan dalam perlembagaan kita. Tetapi soal kerajaan membenar, itu soal lain... Ia bukan perkara urusan Umno. Kalau kerajaan bagi peluang dia bertanding, dia bertandinglah.

"Kalau dia boleh diterima (menganggotai Umno), kita terima. Kita boleh bagi dia bertanding kalau kita boleh terima dia. Waktu ini kerajaan boleh sekat, parti tak ada sekat," katanya dalam sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Khas Umno petang semalam.

Peraturan 19 (2) Perintah Am Kerajaan (kelakuan dan tatater-



**Laporan KADIR DIKOH, JAMHARIAH JAAFAR, ZAINUDDIN ISA, FUAD RAZALI, ZULKOFI JAMALUDDIN, WAN HAZMIR BAKAR, FAZLI ABDULLAH, AHMAD NADZIM JAMALUDDIN, SALINA ABDULLAH, EBI AZLY ABDULLAH, MUNAARFAH ABU BAKAR, WAN ESURIYANTI AHMAD, MONA AHMAD dan NORAFZAN YUSUF**

**Foto MOHD SAID SAMAD, DZULKIFLI MUSTAPHA, ZULKEPLI OSMAN, HASAN ISMAIL dan ROSDAN WAHID**

tib) menyatakan seseorang pegawai hendaklah mengecualikan diri daripada politik.

Dr Mahathir berkata, Umno bersikap terbuka untuk menerima pegawai Kumpulan A dan jika mereka ingin bertanding, mereka terpaksa meletakkan jawatan.

Ditanya sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk meminda Perintah Am, Perdana Menteri berkata, ketika ini, kerajaan belum ada rancangan untuk berbuat demikian.

Usul pindaan perlembagaan

Umno yang diluluskan semalam antara lain meminda fasal 6.3.4 iaitu membolehkan pegawai Kumpulan A menawarkan diri untuk bertanding dan jika dipilih, mereka boleh memegang jawatan dalam parti.

Sebelum pindaan itu, Perlembagaan Umno tidak membenarkan pegawai Kumpulan A bertanding sebarang jawatan dalam parti.

Mengenai usaha membanteras politik wang dan rasuah dalam Umno, Dr Mahathir berkata wa-

laupun wujud undang-undang parti, sesetengah orang masih cuba menyalahgunakan kedudukan mereka.

Malah, katanya, undang-undang yang memperuntukkan hukuman mati pun tidak begitu berjaya dalam menghentikan sepenuhnya jenayah yang boleh disabitkan dengan hukuman mati.

"Jadi di sini, hukuman kita paling minimum. Paling tinggi pun mereka akan disingkir dari parti, mereka tidak akan dihukum gantung," katanya.

Dalam sidang akhbar yang sama, Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pemilihan peringkat bahagian tahun depan akan tetap diadakan.

Bagaimanapun, katanya, pemilihan parti selepas itu akan dibuat mengikut kehendak perlembagaan termasuk pindaan yang diterima semalam.

Mengenai sistem kuota pencalonan, Abdullah berkata ia perlu bagi menentukan calon yang ingin bertanding betul-betul layak dan mendapat sokongan sewajarnya daripada bahagian.